

PM seru pengguna utamakan barangan tempatan

UM 17 MAR 2001

Oleh ASUKI ABAS dan ROSMAH DAIN

KUALA LUMPUR 16 Mac — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru para pengguna memainkan peranan untuk mempertahankan kebebasan dan kedaulatan negara dalam era globalisasi ini dengan mengutamakan barangan dan perkhidmatan tempatan.

Perdana Menteri berkata globalisasi yang dilancarkan oleh negara maju mungkin menjadikan negara membangun termasuk Malaysia sebagai pasaran lambakan dan lepas bank korporat dan barangan asing menguasai pasaran tempatan.

Kita tidak ingin globalisasi pula menyebabkan ekonomi dikawal oleh negara lain dan pada akhirnya rakyat akan mengemis di negara sendiri.

Oleh itu saya ingin menyeru kepada para pengguna supaya tidak membelakangkan kepentingan dan perkhidmatan tempatan demi menjaga kebebasan dan kedaulatan negara katanya.

Dr Mahathir berkata demikian pada majlis makan malam perdana sempena Hari Pengguna Sedunia 2001 yang dianjurkan oleh Gabungan Perindustrian Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) di sini malam ini.

Pada majlis tersebut FOMCA membentangkan inisiatif khas kepada kerajaan kerana mencirikan kebajikan rakyat dalam bidang kepenggunaan dan berhasil mempromosikan ekonomi negara dalam krisis ekonomi lalu.

Ketuntutan itu turut melancarkan majlis *Konsumer Digest* dan memberikan anugerah *Jaamu Dikening* kepada empat bekas presiden FOMCA.

Menurut Perdana Menteri para pengguna Malaysia juga perlu mengukir gaya berbelanja secara mewah dan mengutamakan perbelanjaan mengikut kemampuan serta mengclakik pembaziran kerana iaitu membawakan negatif kepada negara.

Sehubungan itu Dr Mahathir turut menyeru pemimpin persatuan persatuan pengguna supaya lebih proaktif dalam membantu kerajaan mendidik pengguna.

Persatuan pengguna mempunyai tugas dan tanggungjawab memperjelaskan kepada orang ramai aspek positif dan negatif globalisasi serta kesannya kepada negara rakyat dan pengguna kata beliau.

Hubungan yang baik dan mesra antara persatuan pengguna dengan agensi kerajaan harus dipertingkatkan pada masa akan datang demi kesejahteraan pengguna di negara ini tambahnya.

Program

Perdana Menteri berkata persatuan pengguna boleh menyalurkan maklumat bagi membantu pihak kerajaan merancang dasar yang sesuai memandangkan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan kumpulan sasaran pengguna.

Katanya peranan persatuan pengguna membantu kerajaan meningkatkan kesedaran kepenggunaan di kalangan rakyat adalah penting.

Malangnya terdapat persatuan ini yang tidak aktif dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab mereka akibatnya mereka tidak mampu menganjurkan program dan kegiatan kepenggunaan dan entri serta merapikan kerajaan melaksanakan tanggungjawab tersebut ujarnya.

Menurut Dr Mahathir para pengguna haruslah berhati-hati dan berwaspada semasa berurus niaga melalui perdagangan elektronik (e dagang) agar mereka tidak mudah ditipu.

Pihak kerajaan akan sentiasa memantau perkara yang melibatkan kepentingan pengguna mahupun peniaga demi menjamin kepentingan semua pihak di dalam e dagang katanya.

Beliau menegaskan urusan niaga secara e dagang akan menjadi begitu penting

pada masa akan datang walaupun ramai pihak yang masih meragui potensi perniagaan melalui cara sedemikian.

Perdana Menteri turut mengesyorkan agar Sambutan Hari Pengguna Sedunia di negara ini dikembangkan kepada sambutan peringkat kebangsaan bagi memberikan fokus kepada isu-isu penggunaan di dalam negara.

Saya percaya Malaysia sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka seharusnya mempunyai sambutan hari pengguna yang lebih bersifat nasional atau kebangsaan.

Oleh itu saya mencadangkan hari pengguna sedunia negara hendaklah diadakan di peringkat kebangsaan dan kemudian diikuti dengan minggu pengguna kebangsaan ujarnya.

Menurut Dr Mahathir setiap pengguna merupakan penyumbang kepada pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang digunakan oleh pengguna yang lain.

Jika sebagai pengguna kita menuntut pelbagai hak semasa kita mengeluarkan barangan atau perkhidmatan kita sendiri mestilah bersungguh-sungguh berusaha menentukan hak pengguna ditanyakan.

Kata Perdana Menteri Hari Pengguna Sedunia dikenali juga dengan Hari Hak Pengguna Sedunia bertujuan menggalak dan meningkatkan kesedaran di kalangan orang ramai mengenai hak-hak dan tanggungjawab pengguna di dalam sistem ekonomi sesebuah negara.

Lapan hak pengguna yang telah diterima secara universal adalah hak mendapatkan maklumat membuat pilihan, bersuara, mendapatkan ganti rugi, mendapatkan pendidikan pengguna dan alam sekitar yang sihat katanya.

Walaupun ramai pengguna sering mengutarakan hak seperti yang dinyatakan sebahagian besar daripada mereka sering lupa dan lalai di dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pengguna tambahnya.

Dr Mahathir berkata adalah tidak wajar bagi pengguna menuntut hak mereka sedangkan pada masa yang sama mereka mengabaikan tanggungjawab bagi menjaga persekitaran yang sihat dan selamat.

Rakyat

Para pengguna perlu memainkan peranan dan peranan tanggungjawab bersama dengan pihak kerajaan dan persatuan pengguna serta orang ramai di dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan mereka katanya.

Menurut Dr Mahathir kerajaan sentiasa mengambil langkah yang perlu dalam perancangan dan pelaksanaan semua program pembangunan negara agar ia memberi manfaat kepada rakyat.

Bagi mencapai matlamat ini salah satu bidang yang diberikan perhatian serius oleh kerajaan adalah aspek perlindungan pengguna katanya.

Perdana Menteri menegaskan pengguna mempunyai hak yang harus dilindungi sama ada melalui peruntukan undang-undang di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 atau melalui program pendidikan dan kesedaran pengguna.

Akta ini bertujuan mewujudkan satu lagi saluran bagi para pengguna membuat tuntutan ganti rugi terhadap kerugian yang mereka alami semasa proses jual beli mahupun mendapatkan perkhidmatan daripada peniaga katanya.

Akta itu membawa kepada penubuhan tribunal tuntutan pengguna yang membolehkan pengguna membuat tuntutan secara mudah dan cepat tambah Perdana Menteri.